

Ilmu kebatinan hanya omong kosong

Oleh RAHIME YUSOFF

JURULATIH silat negeri ke Kejuaraan Silat Kebangsaan menyangkal dakwaan bahawa penggunaan ilmu kebatinan di kalangan pesilat mencemar kejuaraan di Dewan Sivik Petaling Jaya yang akan berakhir hari ini.

Penolong jurulatih silat kebangsaan dari Terengganu, Johari Ibrahim, berkata penggunaan ilmu kebatinan tidak wujud pada kejuaraan ini dan ia sengaja dihebohkan oleh pesilat ternama yang kecundang.

"Saya tidak gemar dengan kenyataan palsu ini. Bagi saya, dakwaan mereka itu sekadar menutup malu setelah kecundang kepada pendatang baru. Apa salahnya jika pesilat ternama akur sahaja dengan kekalahan dan mengakui lawannya lebih ampuh," katanya.

Ketua jurulatih silat Kelantan, Mohd

Noor Mahmood, berkata kejuaraan ini bersih daripada amalan kebatinan dan sebagai guru, beliau arif dengan ilmu itu.

Katanya, setiap pesilat terutama muka baru menunjukkan kesungguhan dan peningkatan di luar dugaan dan tidak perlu ilmu kebatinan.

18 FEB 1990

"Ini adalah kejuaraan terbaik sejak lima kali diadakan. Bagi saya anggapan itu sekadar omong orang kalah bagi menutup malu," jelas beliau. 8. Minggu (M)

Yang Dipertua Pertubuhan Silat Lincah Malaysia, Haji Rahim Manan, berkata inilah kelemahan pesilat-pesilat kita yang sukar mengakui kelemahan sendiri setelah menerima kekalahan.

Katanya, amalan kebatinan tidak wujud, lagi pun ia diharamkan di gelanggang olahraga. Malah, Dewan Pendekar diketuai oleh Haji Sutin Ail yang begitu arif

soal itu tidak memberhentikan sebarang perlawanan jika dakwaan itu benar.

"Saya harap setiap pesilat lebih matang menerima kekalahan. Janganlah buat kenyataan palsu di luar pengetahuan sendiri. Lagipun, pesilat yang bertarung itu masih mentah bagi mengamal ilmu kebatinan," kata beliau.

Sementara itu, Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Rahman Hassan, mengakui bahawa ilmu kebatinan tidak boleh dipisahkan daripada silat, tetapi bukan untuk silat olahraga.

"Saya dapati kejuaraan ini tidak dce-mari unsur kebatinan. Saya sering berada di gelanggang dan tidak pun saya nampak ada pesilat menggunakan ilmu-ilmu dalam," katanya.

Lagi pun kata beliau, Pesaka menyediakan Dewan Pendekar diketuai oleh guruguru tua yang arif dalam soal kebatinan.

SUKAN SEA

Pencak silat turut 19 FEB 1990 ditanding 3

DUNIA SUKAN SEA

MANILA — Pencak silat adalah antara 24 acara yang dipertandingkan dalam Sukan SEA di Manila, yang dijadualkan mulai 24 November hingga 5 Disember tahun depan.

Ini telah diputuskan dalam mesyuarat Persekutuan Sukan SEA semalam, yang mengemukakan hoki dan taekwondo dengan softball dan biliard/snuker sebagai pengganti.

Pencak silat dimasukkan dalam acara *arnis* (seni mempertahankan diri Filipina).

Sungguhpun Majlis memutuskan akan mengenakan hukuman keras terhadap penyalahgunaan dadah, namun ia tidak menyebut mengenai tindakan ke atas lima ahli sukan yang diuji positif dalam Sukan SEA di Kuala Lumpur.

Acara-acara yang dipilih:

Panah, arnis/pencak silat, atletik, badminton, bola keranjang, biliard/snuker, bowling, tinju, lumba basikal, pedang, bolasepak, golf, sepak takraw, gimnastik, judo, karate, tembak, softball, renang, tenis, tenis meja, bola tampar, sukan air dan angkat berat/bina badan. — Bernama.